



MAJLIS PERBANDARAN TELUK INTAN IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa kepada Warganegara Malaysia (Rakyat DYMM Paduka Seri Sultan Perak), termasuk Pegawai-Pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat dan layak untuk mengisi kekosongan jawatan bertaraf **Contract For Service** iaitu:-

- JAWATAN** : **PENOLONG PEGAWAI PERANCANG BANDAR DAN DESA GRED JA5**
- KLASIFIKASI** : **KEJURUTERAAN**
- TARAF JAWATAN** : **KONTRAK (CONTRACT FOR SERVICE)**
- JUMLAH KEKOSONGAN** : **1 KEKOSONGAN**
- SYARAT LANTIKAN** : 1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
- a) (i) **Sijil dalam bidang Perancangan Bandar Dan Wilayah** yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred JA5: RM1,731.00); atau
 - (ii) **Diploma Perancangan Bandar Dan Wilayah** yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred JA5: RM2,055.00).
- SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU** : 2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya **Gred C**) dalam subjek **Bahasa Melayu** pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

RINGKASAN TUGAS:

Tugas seorang Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa Gred JA5 melibatkan beberapa aspek penting dalam perancangan dan pembangunan bandar serta desa. Antara tugas utamanya termasuk menyediakan maklumat dan pelan pembangunan, memberi ulasan teknikal ke atas permohonan pembangunan, dan menyelaraskan bajet serta pengurusan projek perancangan.

PERMOHONAN

1. Semua permohonan hendaklah menggunakan borang MPTI/i-1/2025 yang boleh dimuat turun (download) melalui portal rasmi Majlis Perbandaran Teluk Intan : www.mpti.gov.my
2. Keterangan lanjut mengenai syarat lantikan jawatan kosong yang diiklankan boleh didapati di portal rasmi Majlis Perbandaran Teluk Intan : www.mpti.gov.my

PERHATIAN KEPADA PEMOHON

- i. Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup adalah dianggap tidak berjaya.
- ii. Permohonan yang lewat atau tidak menurut peraturan di atas akan ditolak.
- iii. Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga. Sebarang keputusan yang dibuat berkaitan dengan urusan ini adalah muktamad.
- iv. Segala perbelanjaan bagi menghadiri temuduga adalah ditanggung oleh pemohon sendiri.
- v. Sila ambil maklum pengambilan bagi jawatan '*Contract For Service*' (CFS) bukan suatu jaminan untuk diserap sebagai pegawai lantikan tetap.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 07 JULAI 2025